



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KONTRAK PEMBINAAN

KETETAPAN UMUM NO. 2/2009

TARIKH KELUARAN : 22 MEI 2009



KANDUNGAN	Muka surat
1. Pendahuluan	1
2. Interpretasi	1
3. Tarikh perniagaan bermula	1
4. Pengiktirafan pendapatan sebelum kontrak siap	2-6
5. Punca pendapatan yang berlainan	6-9
6. Anggaran rugi daripada kontrak yang belum siap	9-11
7. Semakan semula anggaran dan pengiraan cukai	12-14
8. Kontrak siap	15-18
9. Kontraktor individu	18-19
10. Caj dan perbelanjaan bagi kontraktor pembinaan	19-26
11. Isu-isu lain berkaitan dengan kontraktor pembinaan	26
12. Maklumat yang diperlukan untuk audit	26-27
13. Tarikh kuat kuasa	27

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Ketetapan ini menerangkan asas penentuan pendapatan kasar bagi tujuan pengiraan pendapatan larasan yang diperolehi daripada perniagaan kontrak pembinaan.
2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) berkaitan dengan Ketetapan Umum ini ialah perenggan 4(a) dan 23(a), seksyen 24, subseksyen 33(1) dan 33(2), seksyen 35, subseksyen 36(1), seksyen 39 dan 91 ACP.
3. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - 3.1 “Kontrak pembinaan” ertinya kontrak bagi pelaksanaan perkhidmatan pembinaan yang dirundingkan secara khusus bagi pembinaan aset atau gabungan aset-aset termasuk kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik, projek kemudahan awam, reka bentuk projek dan perundingan, rekaan bentuk seni bina dan kontrak infrastruktur;
 - 3.2 “Kontraktor pembinaan” ertinya sesuatu syarikat, individu, perkongsian, pertubuhan koperasi, kumpulan orang, yang menceburkan diri dalam atau menjalankan atau mengusahakan atau menyebabkan diusahakan kontrak pembinaan;
 - 3.3 “KPHDN” ertinya Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia;
 - 3.4 “Sebahagian besar telah siap” ertinya sembilan puluh lima peratus daripada jumlah anggaran kos pembinaan telah dilakukan; dan
 - 3.5 “Tuntutan berperingkat” ertinya apa-apa amaun yang dituntut bagi kerja yang dilaksanakan mengikut kontrak (termasuk amaun tahanan) sama ada telah dibayar atau tidak.
4. **Tarikh perniagaan bermula**

Tarikh sesuatu perniagaan pembinaan kontrak bermula adalah satu persoalan fakta. Ia hendaklah bermula -

- (a) pada suatu tarikh yang kontrak diperolehi, suatu surat penganugerahan kontrak ditawarkan, atau milikan suatu kawasan pembinaan diperolehi, sama ada secara bertulis atau selainnya;
- (b) pada permulaan suatu aktiviti yang membentuk sebahagian dari suatu siri aktiviti yang dijalankan secara aktif dalam perjalanan suatu perniagaan kontrak pembinaan; atau
- (c) pada mana-mana tarikh lain sebagaimana yang difikirkan wajar dan munasabah oleh KPHDN.

5. Pengiktirafan pendapatan sebelum kontrak siap

- 5.1 Pencukaian dan pengitirafan pendapatan kasar daripada suatu perniagaan kontrak pembinaan ditentukan mengikut seksyen 24 ACP yang memperuntukkan bahawa pendapatan kasar daripada sesuatu perniagaan ditaksir atas prinsip boleh diterima.
- 5.2 Pendapatan daripada perniagaan kontrak pembinaan hendaklah diiktirafkan, semasa aktiviti kontrak dijalankan, dan merujuk kepada peringkat siap aktiviti kontrak pada tarikh kunci kira-kira.
- 5.3 Di bawah “Kaedah Peratusan Siap” bagi tujuan pengiktirafan pendapatan, hasil adalah dipadankan dengan perbelanjaan dilakukan sehingga ke peringkat penyelesaian.
- 5.4 Anggaran untung kasar

Anggaran keuntungan kasar seorang kontraktor pembinaan bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran berkenaan dengan suatu kontrak pembinaan adalah suatu amaun yang ditentukan mengikut formula berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

di mana

- A = Jumlah wang tuntutan berperingkat yang diterima dan boleh diterima dalam tempoh asas itu (angka ini hendaklah menunjukkan kedudukan sebenar yang terdapat pada tarikh kunci kira-kira)
- B = Jumlah harga atau amaun kontrak
- C = Jumlah anggaran untung kasar dari kontrak

Contoh 1:

Syarikat A, suatu syarikat pembinaan menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada Mac 2006, Syarikat A diberikan suatu kontrak bernilai RM8 juta untuk membina suatu bangunan pejabat. Kerja pembinaan dimulakan pada 01.07.2006 dan dijangka akan siap pada 31.12.2008. Anggaran keuntungan untuk kontrak tersebut adalah RM1.2 juta. Untuk tujuan cukai pendapatan, syarikat telah

menggunakan asas tuntutan berperingkat (disebutkan dalam perenggan 5.4) untuk melaporkan keuntungan yang dianggarkan bagi tahun taksiran 2006, 2007 and 2008.

Bayaran diterima dan boleh diterima adalah seperti berikut:

Tahun	Bayaran diterima dan boleh diterima (RM '000)
2006	1,500
2007	3,200
2008	3,300
Jumlah	8,000

Anggaran keuntungan bagi setiap tahun taksiran adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Anggaran keuntungan (RM '000)			
2006	$\frac{1,500}{8,000}$	X	1,200	= 225
2007	$\frac{3,200}{8,000}$	X	1,200	= 480
2008	$\frac{3,300}{8,000}$	X	1,200	= 495
Jumlah				1,200

5.5 Pendapatan kasar

Pendapatan kasar seorang kontraktor bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran berkenaan dengan setiap kontrak pembinaan adalah dianggap sebagai anggaran untung kasar kontraktor itu dari setiap kontrak bagi tempoh asas itu.

Contoh 2:

Merujuk kepada **Contoh 1** di atas, pendapatan kasar Syarikat A adalah:

Tahun Taksiran	Anggaran untung kasar RM	Pendapatan kasar RM
2006	225,000	225,000
2007	480,000	480,000
2008	495,000	495,000

5.6 Anggaran yang adil dan munasabah

Dalam mengira anggaran untung kasar dengan menggunakan formula di perenggan 5.4, seorang kontraktor pembinaan hendaklah menggunakan anggaran yang adil dan munasabah.

5.7 Formula lain

KPHDN boleh membenarkan seorang kontraktor pembinaan untuk mengguna pakai suatu formula, selain daripada formula yang diperuntukkan dalam perenggan 5.4 untuk menentukan anggaran untung kasar dari sesuatu kontrak pembinaan. Formula yang diguna pakai hendaklah mengikut piawaian atau amalan perakaunan yang terpakai pada masa tempoh asas yang berkaitan dengan kontrak itu. Suatu kaedah yang biasa diguna pakai ialah berdasarkan kaedah kos di mana peringkat siap diukur mengikut bahagian kos kontrak yang dilakukan sehingga kini berbanding dengan jumlah keseluruhan kos kontrak yang dianggarkan.

5.8 Seorang kontraktor pembinaan hendaklah memastikan bahawa anggaran adil dan munasabah digunakan untuk kontraknya apabila mengguna pakai formula lain yang disebutkan dalam perenggan 5.7.

5.9 Konsistensi dan sebaran yang adil

Di mana seorang kontraktor pembinaan menentukan anggaran pendapatan kasar mengikut formula yang disebutkan di perenggan 5.4 atau 5.7 di atas, beliau hendaklah mengguna pakai formula berkenaan secara konsisten sepanjang tempoh kontrak tersebut dijalankan. Hasilnya hendaklah membayangkan sebaran yang adil bagi anggaran untung kasar untuk semua tempoh asas yang berkaitan.

Contoh 3:

Dalam **Contoh 1** di atas, jika Syarikat A ingin menggunakan kaedah lain (contoh: kaedah kos) untuk mengira anggaran untung kasar, KPHDN akan terima pakai kaedah berkenaan dengan syarat kaedah yang sama diguna pakai secara konsisten sehingga kontrak pembinaan siap. Syarikat tidak dibenarkan menggunakan satu kaedah untuk sesuatu tahun taksiran dan kaedah-kaedah lain untuk tahun-tahun taksiran yang lain (contoh: kaedah kos untuk tahun taksiran 2006 dan formula dalam perenggan 5.4 untuk tahun taksiran 2007 dan 2008) untuk kontrak yang sama.

5.10 Di mana kaedah perakaunan yang diguna pakai menghasilkan gambaran yang tidak tepat mengenai agihan anggaran untung kasar bagi tujuan percukaian, KPHDN akan menyemak taksiran bagi semua tahun berkenaan untuk memastikan anggaran untung kasar diagihkan secara adil dan saksama sepanjang tempoh kontrak.

5.11 Tiada tuntutan berperingkat dikeluarkan

Di mana sesuatu perjanjian kontrak memperuntukkan bahawa tiada tuntutan berperingkat akan dikeluarkan oleh seseorang kontraktor sepanjang tempoh sesuatu kontrak, KPHDN akan mengarahkan bahawa amalan perakaunan diterima pakai untuk membuat pengiraan anggaran untung kasar bagi tujuan percukaian.

Contoh 4:

Syarikat B mendapat satu kontrak pada April 2006 untuk membina sebuah gudang untuk Syarikat X. Telah dipersetujui bahawa tiada tuntutan berperingkat akan dikeluarkan oleh kontraktor dan Syarikat X tidak akan membuat apa-apa bayaran kepada kontraktor sehingga gudang itu telah siap dan diserahkan kepada Syarikat X pada Ogos 2007.

Bagi tujuan percukaian, Syarikat B yang tarikh perakaunannya berakhir pada 31 Disember setiap tahun dikehendaki mengira anggaran untung kasar untuk tahun taksiran 2006 dan 2007 dengan mengguna pakai sebarang formula yang disebutkan dalam perenggan 5.7 di atas, walaupun perjanjian telah menetapkan bahawa tiada tuntutan berperingkat dibuat kepada Syarikat B.

5.12 Ketetapan ini menjelaskan layanan cukai pendapatan yang digunakan untuk kontrak pembinaan di mana:

- (a) kontrak mengambil masa lebih daripada satu tempoh perakaunan untuk disiapkan; dan

- (b) tarikh sesuatu aktiviti kontrak ditandatangani dan tarikh aktiviti kontrak disiapkan terjatuh dalam tempoh perakaunan yang berlainan.

Contoh 5 - jangka masa kontrak jatuh dalam tempoh asas yang berlainan

C Construction Sdn Bhd, dengan akaun berakhir pada 30 Jun setiap tahun, menjalankan satu kontrak membina jejantas. Nilai kontrak adalah RM1 juta dan kontraktor menjangka keuntungan sebanyak RM180,000 daripada kontrak ini. Kerja pembinaan bermula pada 01.03.2006 dan dijangka siap pada 31.10.2006. Syarikat menggunakan formula dalam perenggan 5.4 untuk mengiktirafkan anggaran untung kasar daripada kontrak untuk tahun taksiran 2006 and 2007. Pengiraannya adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tuntutan berperingkat RM '000	Anggaran keuntungan RM '000
2006	250	$\frac{250 \times 180}{1,000} = 45$
2007	750	$\frac{750 \times 180}{1,000} = 135$

- 5.13 Di mana seorang kontraktor menyediakan akaunnya berasaskan kaedah kontrak siap, KPHDN menghendaki kontraktor itu mengira tanggungan cukai pendapatannya untuk sesuatu tahun taksiran dengan menggunakan kaedah peratusan siap untuk menentukan dan melaporkan anggaran untung kasar setiap tahun. Kontraktor tidak dibenarkan menunda pengiktirafan keuntungan dalam akaun sehingga kontrak pembinaan siap.
- 5.14 Amaun pendapatan yang diiktirafkan adalah ditentukan dengan merujuk kepada peringkat aktiviti kontrak tersebut siap pada akhir setiap tempoh perakaunan. Ia juga terpakai bagi kontrak yang besar dan dibahagikan kepada beberapa fasa, dan mengambil masa lebih daripada satu tempoh perakaunan atau tahun untuk disiapkan. Di mana kontrak dibahagikan kepada beberapa fasa, asas peratusan siap hendaklah digunakan untuk setiap fasa secara berasingan.
6. **Punca pendapatan yang berlainan**
- Dalam menentukan pendapatan kasar seorang kontraktor daripada perniagaan kontrak pembinaannya, setiap kontrak pembinaan itu hendaklah disifatkan sebagai punca pendapatan yang berasingan dan berlainan

kontraktor itu berkenaan dengan perniagaan itu, walaupun keseluruhan perniagaan kontrak pembinaan itu masih merupakan satu punca pendapatan perniagaan.

Contoh 6:

D Consortium Bhd dengan tahun perakaunannya berakhir pada 31 Disember mejalankan kontrak berikut untuk tahun 2007 di mana setiap kontrak dianggap sebagai punca berasingan:

Kontrak	1	2	3
Jenis kontrak	Bangunan pejabat	Kilang	Jambatan
Anggaran untung kasar (RM)	2,000,000	4,000,000	10,000,000
Perbelanjaan dibenarkan (RM)	9,200,000		

Elaun modal untuk perniagaan kontrak pembinaan berkenaan ialah RM250,000.

Pengiraan cukai bagi perniagaan kontrak pembinaan untuk tahun taksiran 2007 adalah seperti berikut:

	RM
Pendapatan kasar daripada kontrak 1	2,000,000
Pendapatan kasar daripada kontrak 2	4,000,000
Pendapatan kasar daripada kontrak 3	10,000,000
Tolak : perbelanjaan dibenarkan	16,000,000
	9,200,000
Pendapatan larasan	6,800,000
Tolak : elaun modal	250,000
Pendapatan berkanun daripada perniagaan kontrak pembinaan	6,550,000

6.1 Kontrak pembinaan yang berasingan

Di mana suatu kontrak merangkumi beberapa aset, pembinaan setiap aset hendaklah dianggap sebagai suatu kontrak pembinaan yang berasingan apabila:

- (a) cadangan yang berasingan telah dikemukakan bagi setiap aset;

- (b) setiap aset telah tertakluk kepada rundingan yang berasingan dan kontraktor dan pelanggan boleh menerima atau menolak bahagian kontrak yang berkaitan dengan setiap aset; dan
- (c) kos dan hasil bagi setiap aset boleh dikenal pasti.

Contoh 7:

Syarikat E, suatu syarikat pembinaan telah menandatangani satu kontrak dengan sebuah universiti untuk membina 4 blok bangunan – sebuah perpustakaan, sebuah dewan, sebuah blok pentadbiran dan sebuah dewan kuliah. Setiap bangunan tersebut memenuhi ketiga-tiga kriteria di atas. Oleh itu setiap bangunan tersebut hendaklah dianggap sebagai suatu kontrak yang berasingan, walaupun kontraktor tersebut telah menandatangani satu kontrak secara keseluruhan dengan universiti tersebut.

6.2 Kontrak pembinaan tunggal

Jika dua atau lebih kontrak dimeterai atau diikat, sama ada ditandatangani dengan pelanggan tunggal atau dengan beberapa pelanggan, hendaklah dianggap sebagai hanya satu kontrak apabila ianya:

- (a) dirundingkan sebagai satu pakej;
- (b) bersalingkait dengan rapat di antara satu sama lain dan kontrak-kontrak tersebut sebenarnya adalah sebahagian daripada kontrak tunggal yang mempunyai satu margin keuntungan keseluruhan; dan
- (c) dilaksanakan serentak atau mempunyai urutan yang bersambungan.

Contoh 8:

Syarikat F menandatangani kontrak secara berasingan dengan 10 individu pemilik lot banglo yang terletak berhampiran satu sama lain. Pemilik-pemilik tersebut telah berunding secara berkelompok dengan kontraktor tersebut bagi membina banglo mereka. Jika kontraktor tersebut beranggapan bahawa setiap kontrak yang ditandatangani bersalingkait dan mempunyai kaitan rapat di antara satu sama lain serta memberi kesan sebagai kontrak tunggal yang mempunyai margin keuntungan keseluruhannya, dan pembinaan tersebut boleh dijalankan serentak dalam urutan yang bersambungan, kesemua 10 kontrak tersebut hendaklah dilayan sebagai satu kontrak pembinaan,

walaupun fakta menunjukkan bahawa kontrak berasingan telah ditandatangani dengan setiap pemilik.

6.3 Kontrak tambahan

Satu kontrak mungkin memperuntukkan syarat bagi membolehkan pembinaan satu aset tambahan dibuat atas pilihan pelanggan atau kontrak tersebut boleh dipinda untuk memasukkan pembinaan satu aset tambahan. Pembinaan aset tambahan tersebut hendaklah dianggap sebagai satu kontrak yang berasingan apabila:

- (a) aset tersebut adalah secara ketara berlainan dari segi bentuk rekaan, teknologi atau fungsinya daripada aset yang dinyatakan di bawah kontrak asal; atau
- (b) harga aset tersebut telah dirunding tanpa mengambil kira harga kontrak asal.

Contoh 9:

Kontraktor G mendapat satu kontrak pada Jun 2006 untuk membina satu blok bilik darjah untuk sebuah sekolah. Kerja pembinaan dimulakan pada Julai 2006. Pada bulan Ogos 2006, satu keputusan telah dibuat untuk membina sebuah surau untuk sekolah dan kontrak berkenaan telah diberikan kepada kontraktor G. Kerja pembinaan surau dimulakan pada Oktober 2006. Jika kontrak bagi surau memenuhi mana-mana daripada 2 kriteria yang disebutkan dalam perenggan 6.3 di atas, kontraktor G akan dianggap telah menjalankan 2 kontrak yang berlainan.

7. Anggaran rugi daripada kontrak yang belum siap

7.1 Pengiraan anggaran rugi

Anggaran rugi bagi tempoh asas untuk satu tahun taksiran hendaklah ditentukan mengikut formula yang disebutkan dalam perenggan 5.4 atau 5.7 di atas. Dalam menggunakan pakai formula itu, jumlah anggaran untung kasar adalah digantikan dengan jumlah anggaran rugi daripada kontrak.

Contoh 10:

H Sdn Bhd mendapat beberapa kontrak yang dijangka akan disiapkan dalam tempoh 4 tahun. Syarikat meramal Kontrak 2 yang mengambil masa 3 tahun untuk disiapkan akan mengalami anggaran rugi kasar sejumlah RM(100,000).

Kontrak 2 telah siap sebanyak 25% siap pada tahun pertama. Anggaran rugi bagi Kontrak 2 untuk tahun pertama dikira seperti berikut:

$$[25\% \times \text{RM}(100,000)] = \text{RM} (25,000)$$

7.2 Bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, seorang kontraktor menjangkakan akan ada anggaran rugi daripada satu atau lebih kontrak pembinaannya, anggaran rugi atau agregat anggaran rugi daripada kontrak-kontrak itu hendaklah dibenarkan tolakan daripada agregat anggaran untung kasar daripada kontrak-kontrak pembinaan yang lain bagi tempoh asas itu.

7.3 Anggaran rugi kurang daripada anggaran untung kasar

Jika anggaran rugi atau agregat anggaran rugi daripada satu atau lebih kontrak adalah kurang daripada agregat anggaran untung kasar daripada kontrak-kontrak lain, amaun perbezaannya ialah pendapatan kasar bagi perniagaan kontrak pembinaan.

Contoh 11:

J Construction Sdn Bhd menjalankan 4 kontrak dengan anggaran untung/rugi bagi tahun berakhir 31.12.2007 seperti berikut:

Kontrak	Anggaran untung/(rugi) RM'000
1	200,000
2	(100,000)
3	(50,000)
4	300,000

Agregat anggaran rugi daripada Kontrak 2 dan 3 berjumlah RM150,000 adalah dibenarkan tolakan daripada agregat anggaran untung kasar sebanyak RM500,000 daripada Kontrak 1 dan 4. Baki RM350,000 (RM500,000 – RM150,000) adalah pendapatan kasar J Construction Sdn Bhd daripada perniagaan pembinaannya untuk tahun taksiran 2007.

7.4 Anggaran rugi melebihi agregat anggaran untung kasar

Jika anggaran rugi atau agregat anggaran rugi daripada satu atau lebih kontrak melebihi agregat anggaran untung kasar daripada kontrak-kontrak lain, amaun berlebihan itu akan diabaikan bagi tujuan

menentukan pendapatan bercukai seorang kontrak pembinaan untuk tempoh asas itu dan tempoh asas berikutnya sehingga kontrak berkenaan telah siap dan rugi sebenarnya dapat disahkan.

Contoh 12 – Anggaran rugi bersih diabaikan

K Construction Sdn Bhd dengan tahun berakhir 31.12.2006 menjalankan 3 kontrak pembinaan secara serentak dalam tahun 2006. Anggaran untung/rugi bagi ketiga-tiga kontrak untuk tahun 2006 adalah seperti berikut:

Kontrak 1	Anggaran untung	RM110,000
Kontrak 2	Anggaran rugi	RM(50,000)
Kontrak 3	Anggaran rugi	RM(70,000)

Agregat anggaran rugi K Construction Sdn Bhd daripada Kontrak 2 dan 3 adalah RM(120,000). Amaun ini melebihi anggaran untung daripada Kontrak 1 sebanyak RM(10,000). Oleh itu tiada pendapatan kasar untuk tahun taksiran 2006 daripada perniagaan kontrak pembinaan. Anggaran rugi bersih RM(10,000) diabaikan untuk tahun taksiran 2006 dan tahun taksiran berikutnya sehingga Kontrak 2 dan 3 siap dan rugi sebenar dapat disahkan.

Contoh 13 – Anggaran rugi tidak boleh ditolak daripada untung kasar sebenar

Syarikat L dengan tahun berakhir 31 Disember menjalankan 3 kontrak pembinaan serentak pada tahun 2007. Untung sebenar daripada Kontrak 1 yang telah siap dan anggaran untung/rugi daripada Kontrak 2 dan 3 untuk tahun berakhir 31.12.2007 adalah seperti berikut:

Kontrak 1	Untung kasar sebenar tahun semasa	RM50,000
Kontrak 2	Anggaran untung kasar	RM20,000
Kontrak 3	Anggaran rugi kasar	RM(25,000)

Pendapatan kasar daripada perniagaan kontrak pembinaan bagi Syarikat L untuk tahun 2007 adalah RM50,000. Anggaran rugi RM(25,000) daripada Kontrak 3 hanya boleh dibenarkan tolakan daripada anggaran untung sebanyak RM20,000 daripada Kontrak 2 dan bakinya RM(5,000) diabaikan untuk tahun taksiran 2007 dan tahun taksiran berikutnya sehingga Kontrak 3 siap dan rugi sebenar dapat disahkan.

8. Semakan semula anggaran dan pengiraan cukai

- 8.1 Dalam arus perjalanan sesuatu pembinaan, keadaan mungkin berlaku di mana anggaran asal bagi seorang kontraktor pembinaan perlu disemak semula. Pindaan ke atas anggaran hanya boleh dibenarkan di bawah keadaan berikut:
- (a) terdapat perubahan dalam kos pembinaan berkenaan dengan kontrak itu;
 - (b) terdapat perubahan dalam harga atau amaun kontrak itu; atau
 - (c) mana-mana sebab perdagangan yang diluluskan oleh KPHDN.
- 8.2 Keadaan sedemikian boleh mengakibatkan perubahan dalam anggaran untung kasar, dan menyebabkan wujudnya salah satu daripada situasi berikut:
- (a) anggaran untung kasar yang lebih rendah; atau
 - (b) anggaran untung kasar bertukar kepada anggaran rugi.
- 8.3 Dalam kes perenggan 8.2 di atas, pelarasan tidak perlu dibuat berhubung dengan taksiran-taksiran kebelakangan. Dalam kes di mana justifikasi kepada keadaan seperti disebutkan dalam perenggan 8.1 boleh dibuat, anggaran yang dipinda boleh dipakai untuk tahun taksiran semasa dan tahun-tahun taksiran berikutnya sahaja. Dengan lain perkataan, taksiran untuk tahun semasa dan tahun-tahun seterusnya boleh dikira berdasarkan keadaan baru atau keadaan yang berubah itu dan akan mengambil kira angka yang disemak semula bagi kos dan nilai kontrak. Taksiran tahun-tahun kebelakangan berdasarkan anggaran asal tidak boleh dibuka semula sebab apa-apa pelarasan bagi pemampasan akan dibuat dalam tahun akhir kontrak apabila angka-angka sebenar dapat ditentukan dengan pasti.

Contoh 14 – semakan semula anggaran

Syarikat M memulakan satu kontrak pembinaan pada tahun 2006. Anggaran asal bagi tahun berakhir 31.12.2006 pada permulaan kontrak telah disemak semula selepas itu pada tahun 2007. Alasan bagi semakan adalah kos bahan telah bertambah. Syaikat M memberi maklumat berikut:

	Anggaran asal (RM)	Anggaran yang dipinda (RM)
	2006	2007
Nilai kontrak	8,000,000	8,000,000
Anggaran kos kontrak	5,000,000	6,000,000
Anggaran untung kasar	3,000,000	2,000,000
Amaun diterima dalam		
Tahun 2006	3,000,000	3,000,000
Tahun 2007	2,000,000	2,000,000
Tahun 2008	2,000,000	2,000,000
Tahun 2009	1,000,000	1,000,000

Dengan menggunakan formula, anggaran untung kasar untuk setiap tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Anggaran asal RM	Anggaran yang dipinda RM
2006	1,125,000	750,000
2007	750,000	500,000
2008	750,000	500,000
2009	375,000	250,000
Jumlah	3,000,000	2,000,000

Oleh sebab semakan dibuat dalam tahun 2007, anggaran yang dipinda akan diambil kira dalam pengiraan mulai tahun taksiran 2007. Anggaran asal berhubung dengan tahun berakhir 31.12.2006 berjumlah RM1,125,000 tidak akan dilaraskan. Oleh itu, kontraktor akan dikenakan cukai atas keuntungan kasar seperti berikut:

Tahun Taksiran	RM
2006	1,125,000 (anggaran asal)
2007	500,000)
2008	500,000) (anggaran yang dipinda)
2009	250,000)
Jumlah	2,375,000

Pelarasan hendaklah dibuat dalam tahun terakhir bagi kontrak apabila angka sebenar diketahui.

Contoh 15:

Sama fakta dengan **Contoh 14** kecuali Syarikat M memutuskan untuk mengguna kaedah tuntutan berperingkat kumulatif seperti berikut:

Tahun Taksiran	Tuntutan berperingkat kumulatif	Keuntungan kumulatif
2006	3,000,000	$3,000,000/8,000,000 \times 3,000,000$ = 1,125,000
2007	5,000,000	$5,000,000/8,000,000 \times 2,000,000$ = 1,250,000
2008	7,000,000	$7,000,000/8,000,000 \times 2,000,000$ = 1,750,000
2009	8,000,000	$8,000,000/8,000,000 \times 2,000,000$ = 2,000,000

Oleh itu, kontraktor akan dikenakan cukai atas keuntungan tahun semasa untuk setiap tahun taksiran seperti berikut:

Tahun Taksiran	Keuntungan kumulatif sehingga kini	Tolak	Keuntungan kumulatif sehingga tahun taksiran lepas	=	Keuntungan tahun semasa RM
2006	1,125,000	-	0	=	1,125,000
2007	1,250,000	-	1,125,000	=	125,000
2008	1,750,000	-	1,250,000	=	500,000
2009	2,000,000	-	1,750,000	=	250,000
Jumlah					2,000,000

9. **Kontrak siap**

9.1 Tarikh kontrak siap

9.1.1 Satu kontrak dianggap siap:

- (a) pada tarikh Sijil Penyiapan Praktikal (atau apa-apa perakuan lain yang mempunyai kesan yang sama) telah dikeluarkan; atau
- (b) pada tarikh sebahagian besar kontrak telah siap jika tiada perakuan yang dinyatakan di atas dikeluarkan.

9.1.2 Di mana kontraktor dan pelanggan tidak menjalankan urusan secara selengan, mana-mana kelewatan luar biasa dalam tarikh penyelesaian fizikal hendaklah ditentukan berdasarkan kepada fakta setiap kes. Faktor-faktor yang boleh menjadi petanda bahawa kontrak tersebut telah 'siap' adalah seperti penerimaan kontrak oleh pelanggan, pelanggan telah menghuni bangunan atau pengeluaran sijil muktamad oleh akitek/jurutera perunding yang menyelia. Walau bagaimanapun, adalah penting supaya kontraktor itu menetapkan satu polisi yang konsisten dalam menentukan bila sesuatu kontrak itu siap.

9.2 Keuntungan kasar atau rugi sebenar

Apabila sesuatu kontrak telah siap, angka muktamad boleh diperolehi dan keuntungan kasar atau rugi sebenar bagi keseluruhan kontrak boleh ditentukan dengan pasti. Kontraktor pembinaan hendaklah menentukan keuntungan kasar atau rugi sebenar dengan menyediakan akaun muktamad untuk kontrak itu.

Keadaan berikut mungkin berlaku:

- (a) keuntungan kasar sebenar bagi kontrak melebihi jumlah anggaran untung kasar (seperti ditentukan dengan menggunakan formula dalam perenggan 5.4 atau 5.7 di atas) di mana keuntungan tersebut telah dikenakan cukai;
- (b) keuntungan kasar sebenar bagi kontrak kurang daripada jumlah anggaran untung kasar (seperti ditentukan dengan menggunakan formula dalam perenggan 5.4 atau 5.7 di atas) di mana keuntungan tersebut telah dikenakan cukai; atau
- (c) terdapat rugi sebenar bagi kontrak itu.

9.3 Layanan cukai

Di mana anggaran untung kasar mengguna pakai formula dalam perenggan 5.4 atau 5.7 di atas telah diguna pakai secara konsisten sepanjang tempoh kontrak itu dan menghasilkan sebaran yang adil bagi semua tempoh berkaitan, layanan cukai berikut boleh digunakan:

9.3.1 Keuntungan kasar sebenar melebihi jumlah anggaran untung kasar

Di mana keuntungan kasar sebenar daripada sesuatu kontrak melebihi jumlah anggaran untung kasar yang telah dikenakan cukai, amaun yang bersamaan dengan lebihan tersebut hendaklah diambil kira sebagai keuntungan kasar bagi tempoh asas yang terakhir itu.

Contoh 16:

	RM'000	RM'000
Keuntungan kasar sebenar daripada kontrak		1,600
Tolak:		
Anggaran untung kasar untuk tahun 1	500	
Anggaran untung kasar untuk tahun 2	600	
Anggaran untung kasar untuk tahun 3	400	1,500
Lehian untung kasar daripada kontrak		100

Lehian untung kasar RM100,000 diambil kira sebagai pendapatan kasar untuk tahun terakhir. Taksiran tahun-tahun kebelakangan tidak akan dibuka atau disemak semula.

9.3.2 Keuntungan kasar sebenar kurang daripada jumlah anggaran untung kasar

Di mana keuntungan kasar sebenar daripada sesuatu kontrak kurang daripada jumlah anggaran untung kasar yang telah dikenakan cukai, untung sebenar bagi tempoh asas terakhir dan tempoh asas terdahulu boleh diagihkan dengan memakai formula dalam perenggan 5.4 atau 5.7. Sebarang taksiran yang telah dibuat atau akan dibuat bagi tempoh-tempoh berkenaan boleh dipinda atau disemak semula sewajarnya.

Dalam mengguna pakai formula dalam perenggan 5.4 atau 5.7, kontraktor pembinaan itu hendaklah menggunakan nilai

kontrak, kos, keuntungan atau kerugian sebenar daripada kontrak itu.

Contoh 17:

Satu kontrak bermula pada tahun 2005 dan disiapkan dalam tahun 2008. Keuntungan kasar sebenar bagi kontrak tersebut ditentukan dalam tahun 2008 sebanyak RM2,000,000. Keuntungan kasar yang dianggarkan yang telah diambil kira dalam pengiraan bagi kontrak tersebut adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	Anggaran untung kasar RM '000
2005	500
2006	1,300
2007	800
Jumlah anggaran untung kasar	2,600

Oleh kerana jumlah keuntungan yang dianggarkan untuk tahun taksiran 2005 hingga 2007 melebihi keuntungan kasar sebenar sebanyak RM600,000, semua taksiran bagi tahun-tahun kebelakangan boleh disemak semula. Untung kasar sebenar untuk tahun taksiran 2005 hingga 2008 akan ditentukan seperti berikut:

	RM'000	RM'000
Keuntungan kasar sebenar		2,000
Tolak: (dengan memakai formula)		
Untung kasar untuk TT 2005 (20%)	400	
Untung kasar untuk TT 2006 (50%)	1,000	
Untung kasar untuk TT 2007 (25%)	500	
Untung kasar untuk TT 2008 (5%)	100	
Jumlah	2,000	

9.3.3 Kontrak yang mengalami rugi sebenar

Di mana sesuatu kontrak mengalami rugi sebenar, jumlah rugi sebenar daripada kontrak itu hendaklah diagihkan kepada setiap tahun taksiran dengan memakai formula dalam perenggan 5.4 atau 5.7. Taksiran bagi tempoh-tempoh berkenaan, jika ada, perlu dipinda sewajarnya.

10. **Kontraktor individu**

Dalam kes seorang kontraktor individu atau rakan kongsi bagi satu kontrak usaha sama, di mana kadar cukai pendapatan persendirian beliau mungkin berubah-ubah, beliau dibenarkan untuk menyemak semula taksiran bagi tahun-tahun kebelakangan apabila kontrak tersebut siap.

Contoh 18:

Kontraktor N memulakan satu kontrak dalam tahun 2006 dan ianya disiapkan dalam tahun 2008. Nilai kontrak ialah RM15 juta. Anggaran untung kasar ialah RM1.9 juta.

Apabila kontrak selesai, keuntungan kasar sebenar ditentukan sebanyak RM1.5 juta. Anggaran untung kasar yang diambil kira dalam pengiraan bagi kontrak tersebut adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	RM'000			
2006	$\frac{4,500}{15,000}$	X	1,900	= 570 (anggaran)
2007	$\frac{6,000}{15,000}$	X	1,900	= 760 (anggaran)
2008	$\frac{4,500}{15,000}$	X	1,900	= 570 (anggaran)
Jumlah	1,900			

Memandangkan keuntungan kasar sebenar adalah kurang daripada anggaran untung kasar yang diambil kira berhubung dengan tahun taksiran 2006 hingga 2008, Kontraktor N boleh menyemak semula semua taksiran kebelakangan beliau.

Keuntungan kasar sebenar untuk setiap tahun taksiran akan dikira semula seperti berikut:

Tahun Taksiran	RM'000			
2006	$\frac{4,500}{15,000}$	X	1,500	= 450 (dipinda)
2007	$\frac{6,000}{15,000}$	X	1,500	= 600 (dipinda)
2008	$\frac{4,500}{15,000}$	X	1,500	= 450 (dipinda)
Jumlah	1,500			

11. Caj dan perbelanjaan bagi kontraktor pembinaan

11.1 Pendapatan larasan

Dalam mengira pendapatan larasan daripada perniagaan seorang kontraktor bagi tempoh asas untuk setiap tahun taksiran, semua caj dan perbelanjaan yang semuanya dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan tersebut dalam tempoh itu setakat mana ianya dibenarkan oleh ACP akan diberi potongan daripada pendapatan kasar perniagaan. Walau bagaimanapun, pelarasan hendaklah dibuat dalam pengiraan cukai untuk setiap tahun taksiran berkenaan bagi caj dan perbelanjaan yang tidak dibenarkan di bawah seksyen 39 ACP.

11.2 Perbelanjaan yang disebutkan dalam perenggan 11.1 bermaksud semua perbelanjaan yang boleh diberi potongan di bawah ACP termasuk perbelanjaan seperti bayaran tender untuk kontrak kedua dan kontrak seterusnya yang dilakukan selepas perniagaan kontrak pembinaan dimulakan.

11.3 Dalam menyediakan akaun, kontraktor pembinaan hendaklah membezakan di antara perbelanjaan langsung yang merupakan sebahagian daripada perbelanjaan pembinaan dan perbelanjaan harian perniagaan kontak yang didebitkan ke dalam Akaun Untung-Rugi.

11.4 Kos kontrak pembinaan

11.4.1 Kos pembinaan terdiri daripada semua perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti kontrak pembinaan atau perbelanjaan yang boleh diagihkan secara munasabah kepada aktiviti tersebut.

- 11.4.2 Semua perbelanjaan langsung yang berkaitan dengan kontrak pembinaan seperti fi mengukur, fi penyelidikan tanah, belanja overhead tapak, fi reka bentuk dan teknikal, kos bahan pembinaan dan sebagainya adalah kos berkaitan dengan kontrak dan hendaklah dipermodalkan dalam Akaun Perbelanjaan Pembinaan. Jika terdapat dua atau lebih kontrak dijalankan secara serentak, perbelanjaan pembinaan tersebut hendaklah ditunjukkan secara berasingan.
- 11.4.3 Perbelanjaan yang dilakukan di tapak pembinaan seperti 'scaffolding' dan jaring keselamatan adalah perbelanjaan yang dibenarkan atas asas gantian. Kos pagar yang diperbuat daripada bahan tahan lama, contohnya aluminium, boleh dibenarkan atas asas gantian manakala pagar yang diperbuat daripada bahan tidak tahan seperti pagar kayu dibenarkan sebagai perbelanjaan hasil. Kos kuarter pekerja sementara yang dirobohkan selepas kontrak tamat dibenarkan sebagai perbelanjaan hasil. Kos kabin yang digunakan sebagai kuarter pekerja adalah perbelanjaan yang tidak dibenarkan.
- 11.4.4 Perbelanjaan pembinaan termasuk faedah dibayar atau terakru atas pinjaman yang diambil oleh kontraktor untuk membiayai kerja-kerja yang dijalankan berkaitan kontrak pembinaan itu.
- 11.4.5 Seorang kontraktor pembinaan dikehendaki membuat pelarasan sewajarnya berhubung dengan caj dan perbelanjaan yang dinyatakan dalam Akaun Perbelanjaan Pembinaan. Di mana kos bagi kontrak lain telah dimasukkan dalam Akaun Perbelanjaan Pembinaan, kos tersebut hendaklah dikeluarkan supaya hanya perbelanjaan pembinaan yang boleh dibenarkan dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya. Ini akan memastikan bahawa pada penamatan sesuatu kontrak, hanya akaun tahun terakhir sahaja perlu dipinda.
- 11.5 Fi yang dibayar untuk mendapat kontrak
- 11.5.1 Seorang kontraktor pembinaan mungkin membuat bayaran kepada pihak tertentu untuk mencari dan mendapat kontrak. Bayaran sedemikian mungkin diistilahkan sebagai 'kick-back', komisyen, fi pengurusan dan sebagainya. Syarat-syarat perjanjian mungkin memperuntukkan antara lain:
- (a) bayaran dalam bentuk amaun tetap atau peratusan atau gabungan kedua-duanya;

- (b) bayaran sedemikian dibuat sebelum sesuatu kontrak bermula, dalam tempoh kontrak dan/atau selepas penyelesaian kontrak; atau
 - (c) bayaran dibuat dengan amaun sekaligus atau secara ansuran atau gabungan kedua-duanya.
- 11.5.2 Untuk tujuan percukaian, sama ada perbelanjaan sedemikian boleh dibenarkan potongan bergantung kepada tujuan, sifat dan keadaan bayaran itu berlaku. Di mana perkhidmatan oleh penerima melibatkan tidak lebih daripada mendapatkan kontrak, bayaran itu akan dianggap sebagai 'kick-back' dan tidak layak diberi potongan cukai. Walau bagaimanapun, jika penerima melibatkan diri secara aktif dalam pengurusan dan perjalanan kontak selepas mendapat kontrak tersebut, bayaran yang dibuat akan layak sebagai komisyen atau yuran pengurusan dan boleh diberikan potongan sebagai sebahagian perbelanjaan pentadbiran.

11.6 Amaun penahanan

- 11.6.1 Amaun penahanan adalah amaun tuntutan berperingkat yang belum dibayar sehingga semua syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak bagi pembayaran amaun tersebut telah dipenuhi atau sehingga kecacatan telah dibetulkan.
- 11.6.2 Kontrak pembinaan biasanya memperuntukkan supaya seorang kontraktor memberi, dari masa ke semasa, tuntutan berperingkat sejauh mana kontrak tersebut telah dilaksanakan. Kontrak sedemikian biasanya juga memperuntukkan bahawa kontraktor tersebut kena dibayar, biasanya selepas bahagian kerja yang berkaitan telah disiapkan dengan memuaskan seperti disahkan oleh pelanggan, akitek atau juruteranya.
- 11.6.3 Syarat kontrak pembinaan juga menghendaki pelanggan menahan satu peratusan daripada pembayaran setiap tuntutan berperingkat sehingga semua kerja tersebut telah disiapkan dengan memuaskan. Pegangan atau penahanan wang ini, seperti mana dikenali secara umum, dipegang biasanya selama 6 bulan selepas kontrak siap. Amaun wang yang dipegang tidak dibayar sehingga syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak bagi pembayaran amaun sedemikian dipenuhi.
- 11.6.4 Bagi tujuan cukai pendapatan, amaun tuntutan berperingkat termasuk mana-mana wang yang ditahan di bawah kontrak yang boleh diterima hendaklah dimasukkan di dalam

pendapatan kasar kontraktor tersebut pada tarikh tuntutan berperingkat dikeluarkan untuk mendapat pembayaran.

11.7 Ganti rugi jumlah tertentu

11.7.1 Seorang kontraktor perlu menyiapkan dan menyerahkan kerja pembinaan kepada pelanggannya dalam tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak. Jika kontraktor itu gagal menyerahkan kerja pembinaan yang disiapkan dalam tempoh tersebut, dia akan tertakluk kepada ganti rugi jumlah tertentu kepada pelanggannya pada satu kadar yang dinyatakan dalam perjanjian kontrak untuk tempoh yang dia lewat menyerahkan kerja pembinaan. Pelanggan boleh menolak amaun berkenaan daripada wang yang masih terhutang kepada kontraktor.

11.7.2 Bagi tujuan cukai pendapatan, peruntukan bagi ganti rugi jumlah tertentu bukan satu perbelanjaan yang dibenarkan di bawah seksyen 33 ACP. Liabiliti hanya wujud apabila pembayaran menjadi satu fakta. Liabiliti ini kena ditanggung apabila amaun sebenar ganti rugi jumlah tertentu telah dipersetujui oleh kontraktor dan pelanggannya. Ganti rugi jumlah tertentu yang boleh diterima daripada subkontraktor, tolak amaun ganti rugi jumlah tertentu yang kena dibayar kepada pelanggan (jika ada) hendaklah diiktirafkan atas asas terakru.

11.7.3 Dalam keadaan di mana ganti rugi jumlah tertentu kepada pelanggan tidak dibayar, kontraktor pembinaan hendaklah mengeluarkan perbelanjaan itu dalam akaun yang berkenaan.

11.8 Perbelanjaan waranti atau liabiliti kecacatan

11.8.1 Di mana sesuatu perjanjian kontrak pembinaan memperuntukkan satu tempoh liabiliti kecacatan, kontraktor itu dikehendaki memperbaiki atau memulihkan dengan tanggungan kos dan perbelanjaan sendiri, sebarang kecacatan atau kerosakan yang ketara dalam kerja yang dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian.

11.8.2 Perbelanjaan liabiliti kecacatan yang dilakukan oleh kontraktor pembinaan dibenarkan sebagai potongan dengan menggunakan salah satu kaedah yang di sebutkan di bawah, bergantung kepada keadaan dan pilihan yang dibuat oleh kontraktor itu.

11.8.3 Pendapatan kasar daripada kontrak mencukupi

Di mana terdapat pendapatan yang mencukupi daripada sesuatu kontrak, perbelanjaan liabiliti kecacatan akan dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar kontrak itu untuk tempoh asas atau tempoh asas berikutnya.

Contoh 19:

P Construction Sdn Bhd menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Ia menjalankan satu kontrak yang disiapkan pada 30.06.2006. Syarikat menanggung perbelanjaan liabiliti kecacatan berjumlah RM2,000 pada 30.09.2006. Pengiraan cukainya adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2006

Pendapatan kasar daripada Kontrak 1	RM 8,000
Tolak: perbelanjaan liabiliti kecacatan	RM 2,000
	RM 6,000

11.8.4 Pendapatan tidak mencukupi atau tiada pendapatan daripada kontrak

Di mana pendapatan tidak mencukupi atau tiada pendapatan daripada sesuatu kontrak untuk tempoh asas atau tempoh asas berikutnya, perbelanjaan liabiliti kecacatan yang tidak dapat diberi potongan sepenuh atau sebahagiannya akan dibenarkan dengan salah satu cara yang disebutkan dalam perenggan 11.8.5 and 11.8.7, bergantung kepada sama ada pilihan telah dibuat oleh kontraktor pembinaan.

11.8.5 Tiada pilihan oleh kontraktor

Jika kontraktor itu tidak membuat pilihan seperti dinyatakan dalam perenggan 11.8.7, perbelanjaan liabiliti kecacatan akan dibenarkan potongan daripada agregat pendapatan kasar kontrak-kontrak lain untuk tempoh asas itu atau tempoh-tempoh asas berikutnya.

Perbelanjaan liabiliti kecacatan yang ditanggung pada tempoh asas berikut akan dibenarkan potongan daripada agregat pendapatan kasar daripada kontrak-kontrak lain untuk tempoh-tempoh asas berikutnya.

Contoh 20:

Q Construction menutup akaunnya pada 31 Disember dan menjalankan beberapa kontrak pembinaan secara serentak. Kontrak 2 bermula pada bulan Disember 2004 dan disiapkan

pada 31.01.2006. Syarikat menanggung perbelanjaan liabiliti kecacatan sebanyak RM4,000 untuk Kontrak 2 pada 31.03.2006. Pengiraan cukainya adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2006

Pendapatan kasar daripada Kontrak 2	RM 3,000
Tolak: perbelanjaan liabiliti kecacatan	RM 4,000
Rugi daripada Kontrak 2	RM(1,000)
Tolak: agregat pendapatan kasar daripada kontrak lain	RM 5,000
Pendapatan kasar daripada perniagaan kontrak pembinaan	RM 4,000

- 11.8.6 Dalam keadaan di mana agregat pendapatan kasar daripada kontrak-kontrak lain tidak mencukupi untuk menyerap rugi seperti disebutkan dalam perenggan 11.8.5, perbelanjaan liabiliti kecacatan boleh dibenarkan potongan daripada lain-lain punca pendapatan kontraktor itu.

Contoh 21:

Sama fakta seperti **Contoh 20** kecuali agregat pendapatan kasar daripada kontrak-kontrak lain ialah RM500 bagi tahun 2006. Pengiraan cukainya adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2006

Pendapatan kasar daripada Kontrak 2	RM3,000
Tolak: perbelanjaan liabiliti kecacatan	RM4,000
Rugi daripada Kontrak 2	RM(1,000)
Tolak: agregat pendapatan kasar daripada kontrak lain	RM 500
Rugi kasar daripada perniagaan kontrak pembinaan	RM(500)

Rugi kasar RM(500) boleh dibenarkan potongan daripada lain-lain punca pendapatan Q Construction.

11.8.7 Pilihan dibuat oleh kontraktor

Seorang kontraktor boleh membuat pilihan untuk membenarkan perbelanjaan liabiliti kecacatan dipotong daripada pendapatan kasar kontrak yang sama bagi tempoh asas sebelum tempoh asas di mana perbelanjaan itu dilakukan. Sebarang perbelanjaan yang tidak dapat diserap dalam tempoh asas tersebut akan dibenarkan potongan dalam tempoh asas sebelum yang sebelumnya dan seterusnya untuk jangka masa kontrak itu.

11.8.8 Pilihan yang tidak boleh dibatalkan

Jika seorang kontraktor memutuskan untuk memilih kaedah seperti disebutkan dalam perenggan 11.8.7, pilihan itu tidak boleh dibatalkan. Pilihan boleh dibuat dalam pengiraan cukai untuk tahun taksiran semasa atau dalam pindaan pengiraan cukai untuk tahun-tahun taksiran kebelakangan dan dikemukakan kepada cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang berkaitan.

Contoh 22:

Sama fakta seperti **Contoh 20** dan syarikat membuat pilihan yang tidak boleh dibatalkan untuk menuntut perbelanjaan itu memandangkan ianya tidak ada pendapatan kasar bagi tahun 2007. Pengiraan cukainya adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran 2006

Pendapatan kasar daripada Kontrak 2	RM 3,000
Tolak: perbelanjaan liabiliti kecacatan	RM 4,000
Rugi (dihantar ke belakang)	RM(1,000)
Agregat pendapatan kasar daripada kontrak lain	RM 5,000
Pendapatan kasar daripada perniagaan kontrak pembinaan	RM 5,000

RM(1,000) akan dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar Kontrak 2 bagi tahun taksiran 2005.

Tahun Taksiran 2005

Pendapatan kasar daripada Kontrak 2	RM 500
Tolak: perbelanjaan liabiliti kecacatan dari tahun taksiran 2006 yang tidak dapat diserap	RM(1,000)
Rugi (dihantar ke belakang)	RM (500)

RM(500) akan dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar Kontrak 2 bagi tahun taksiran 2004.

11.9 Fi jaminan

Fi jaminan yang dibayar kepada seorang penjamin berhubung dengan pinjaman atau kemudahan yang diberi kepada seorang kontraktor pembinaan adalah satu kos modal untuk mendapatkan dana dan ianya tidak dibenarkan.

11.10 Perbelanjaan pentadbiran am

11.10.1 Di mana perbelanjaan tidak dibenarkan telah dicajkan dalam akaun untung-rugi, pelarasan hendaklah dibuat kepada pengiraan cukai pendapatan.

11.10.2 Perbelanjaan pentadbiran am seperti fi audit dan caj bank adalah dibenarkan terhadap pendapatan kasar perniagaan kontraktor di bawah subseksyen 33(1) ACP jika ianya dilakukan selepas perniagaan telah bermula.

12. Isu-isu lain berkaitan dengan kontraktor pembinaan

12.1 Prinsip yang sama dan layanan cukai yang serupa dalam Ketetapan Umum bagi Pemajuan Harta (Ketetapan Umum No. 1/2009) hendaklah diguna pakai secara *mutatis mutandis* kepada isu-isu yang tidak disebutkan dalam Ketetapan ini.

12.2 Kontraktor yang subkontrak kerja kepada kontraktor bukan pemastautin adalah dikehendaki mematuhi seksyen 107A ACP. Ketidakpatuhan akan menyebabkan perbelanjaan berkenaan dicampur balik dalam pengiraan di bawah perenggan 39(1)(i) ACP.

13. Maklumat yang diperlukan untuk audit

Maklumat yang perlu diperolehi (untuk tujuan penelitian atau pemeriksaan audit) apabila menyediakan akaun dan penyata bagi kontraktor termasuk:



KONTRAK PEMBINAAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 2/2009

Tarikh Keluaran: 22 Mei 2009

- (a) senarai yang bersesuaian disediakan bagi semua kontrak yang dilaksanakan;
- (b) jenis kontrak (contoh: harga tetap atau kos tokok) hendaklah dinyatakan, dan nilai setiap kontrak ditentukan dengan jelas;
- (c) tempoh yang dijangka siap bagi setiap kontrak ditentukan dengan teliti;
- (d) kos yang dianggarkan bagi setiap kontrak ditentukan dengan teliti; dan
- (e) tuntutan berperingkat yang diterima atau boleh diterima bagi setiap kontrak dibezakan dan ditentukan dengan jelas.

14. Tarikh kuat kuasa

Ketetapan ini berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2006 dan tahun-tahun taksiran yang seterusnya. Ia menggantikan Ketetapan Umum No. 3/2006 bertarikh 13 Mac 2006.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**